

# DR M: PELUANG TARIK PELABUR TELUK ARAB

**KUALA LUMPUR, Ahad** — Malaysia banyak kehilangan peluang menarik pelaburan dari negara-negara Teluk kerana tidak mempunyai wakil di negara-negara tersebut untuk menguruskan perkara-perkara bersangkutan dengan pelaburan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, negara-negara tersebut kini pesat membangun mempunyai banyak sumber-sumber kewangan yang masih belum digunakan sepenuhnya yang boleh ditarik oleh Malaysia.

"Beberapa tabung yang diwujudkan oleh negara-negara tersebut untuk pembangunan masih belum disentuh," ujarnya.

Akibatnya, negara-negara lebih maju seperti Jepun, Korea malah China, begitu bersungguh-

sungguh untuk merebut peluang-peluang itu.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata demikian dalam satu sidang akhbar sekembalinya dari melakukan lawatan seminggu ke negara-negara Teluk dan Arab Saudi, di Lapanganterbang Antarabangsa Kuala Lumpur, di Subang hari ini.

Ketibaan beliau dan isteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah disambut oleh kaum keluarganya, Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam serta Datin Maria dan Menteri-menteri Kabinet.

Datuk Seri Dr. Mahathir memberitahu, Malaysia kini sedang mengkaji kemungkinan menghantar wakil-wakilnya ke semua negara-negara yang dilawatinya untuk menguruskan perkara-perkara bersangkutan dengan pelaburan.

"Kita kini mempunyai seorang duta di Kuwait

yang bertanggungjawab ke atas kesemua negara-negara Teluk.

"Beliau sudah tentu tidak akan dapat menjalankan tugasnya di kesemua negara itu dengan berkesan," ujarnya lagi.

Perdana Menteri yakin negara-negara tersebut akan memberikan sokongan kepada Malaysia yang sengama, lebih-lebih lagi kerana Malaysia begitu dikenali di sana.

Dari perbincangan-perbincangan yang diadakan, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, negara-negara tersebut berminat untuk melabur di Malaysia.

"Apa yang mereka mahukan ialah supaya kita memberikan gambaran yang jelas kepada mereka mengenai kemudahan dan syarat-syarat perdagangan di sini," ujarnya.

"Kita menasihatkan mereka supaya melabur

di bidang industri seperti pengeluaran alat-alat ganti dan bahagian kenderaan serta pelancongan dan perhotelan," katanya lagi.

"Dewan Perniagaan Dubai akan ke sini tidak lama lagi," ujarnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir menyatakan kekagumannya terhadap kecekapan negara-negara yang dilawatinya membangun dan menjaga kebersihan bandar-bandar mereka.

"Mereka dalam tempoh tujuh hingga 10 tahun telah berjaya menukarkan padang pasir menjadi padang yang menghijau.

"Oman merupakan bandar tercantik yang pernah saya lihat dengan rumputnya yang kelihatannya seperti permadani hijau dan pohon-pohon kurma ditanam di sepanjang jalan-jalannya," jelas beliau.